



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA
MINGGU EPIDEMIOLOGI 39 (25 SEPTEMBER – 1 OKTOBER 2022)

Pada Minggu Epidemiologi ke-39 tahun 2022, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah 1,460 berbanding 1,533 kes pada minggu sebelumnya, iaitu penurunan sebanyak 73 kes (4.8%). Sebanyak dua (2) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-39 tahun 2022.

Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga kini adalah sebanyak 43,544 kes berbanding 19,886 kes bagi tempoh sama tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 23,658 kes (119%), Manakala sebanyak 26 kematian akibat komplikasi denggi dilaporkan berbanding 13 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2021. **(Lampiran A & C).**


Jumlah lokaliti hotspot denggi terus meningkat dengan sebanyak 55 lokaliti hotspot dilaporkan pada minggu ini berbanding 48 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Daripada 55 lokaliti hotspot tersebut, 33 (60%) lokaliti berada di Negeri Selangor, 16 (29%) lokaliti di Sabah dan enam (6) (11%) lokaliti di WPKL & Putrajaya. **(Lampiran B & D).**

Survelan chikungunya merekodkan sebanyak tiga (3) kes pada minggu ke-39 dengan kesemua kes dilaporkan dari Negeri Selangor. Jumlah kumulatif kes


chikungunya sehingga kini adalah 649 kes (**Lampiran E**). Bagi surveilans zika, sebanyak 1,488 sampel darah dan 15 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia, fasa Peralihan Monsun yang bermula dari 3 Oktober 2022 sehingga awal November 2022 akan menyebabkan hujan lebat dan angin kencang dalam jangka masa yang singkat. Oleh itu, semua pihak perlu memastikan tiada bekas berpotensi pembiakan nyamuk *Aedes* di sekeliling rumah termasuk di kawasan kebun-kebun komuniti. Lupuskan barang lusuh atau yang tidak digunakan di tempat pembuangan yang ditentukan. Bagi kawasan di dalam rumah, periksa alas mesin penapis air, lapik pinggan, lapik pasu dan pastikan tiada air bertakung. Persekitaran bersih, *Aedes* tersisih. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
6 Oktober 2022




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi minggu ke-38 dan ke-39 tahun 2022



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga minggu ke-39 tahun 2022 dan tempoh sama tahun 2021




Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2022, 2021 dan median 2017-2021




Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi minggu ke-39 tahun 2022

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 39/2022**(25 September hingga 1 Oktober 2022)**


Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 39/2022		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 39/2021	
		Minggu 39 (25 September – 1 Oktober 2022)		Minggu 38 (18 September – 24 September 2022)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	1	0	3	0	47	0	19	0
2	Kedah	40	0	33	0	923	2	400	0
3	P. Pinang	42	0	24	0	637	0	313	0
4	Perak	24	0	30	0	851	0	462	1
5	Selangor	748	0	766	0	26,335	5	11,836	2
6	WP KL & Putrajaya	163	0	164	0	4,314	5	2,381	1
7	N. Sembilan	46	0	58	0	1,323	2	457	1
8	Melaka	11	0	14	0	442	0	493	0
9	Johor	131	0	116	0	2,403	1	1,450	2
10	Pahang	31	0	26	0	637	1	358	1
11	Terengganu	3	0	10	0	177	0	34	0
12	Kelantan	33	0	49	0	729	4	164	0
13	Sarawak	13	0	18	0	476	1	300	0
14	Sabah	173	2	222	0	4,228	5	1,215	5
15	WP Labuan	1	0	0	0	20	0	4	0
	MALAYSIA	1,460	2	1,533	0	43,544	26	19,886	13




Selangor




WPKL & Putrajaya




Johor




Sabah




Kelantan




Perak




Pulau Pinang




Kedah




Negeri Sembilan




Melaka




Pahang




Sarawak



Terengganu



Perlis



Labuan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 39/2022
(25 September hingga 1 Oktober 2022)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	WPKL&P	Titiwangsa	Desa Tunku Mariam	52	95
2	SELANGOR	Hulu Langat	Flat Sri Nilam Bandar Baru Ampang	20	89
3	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Jasmin 23-32 Taman Jasmin	27	88
4	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Taman Bukit Kenangan	38	86
5	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 30	13	84
6	WPKL&P	Cheras	Taman Jaya B (Jln 5,6,7,8 & Lrg 5,6,7,8,9)	21	78
7	SELANGOR	Petaling	E15. Bdr Kinrara 4 (Jln BK 4/1, Sebahagian 4/2 - 4/4)	18	73
8	SABAH	Sandakan	Tinusa Dua (Darat)	27	71
9	SELANGOR	Petaling	E15. Tmn Puchong Utama (Jln PU 10)	21	65
10	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Bukit Kajang	18	63
11	SABAH	Kota Kinabalu	Quarters Ipk Kepayan	41	61
12	SABAH	Sandakan	Kampung Tinusa II (Laut)	28	60
13	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 1/2 Taman Prima Saujana	11	58
14	WPKL&P	W/P Putrajaya	Presint 18 - Parcel R8	13	55
15	SABAH	Lahad Datu	Kg Sarip	12	55
16	SABAH	Sandakan	Taman Damai	19	54
17	SABAH	Sandakan	Taman Mawar Fasa 4	20	54
18	WPKL&P	Titiwangsa	Qrts Kakitangan Atm (Jln U-Thant)	9	51
19	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Sri Putra (Toman)	8	48
20	WPKL&P	Titiwangsa	Taman Wangsa Melawati(Jalan Wangsa Budi)	9	47
21	SABAH	Sandakan	Taman Mawar Fasa 1	23	47
22	SELANGOR	Petaling	E13. SS 19/1	8	46

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
23	SELANGOR	Klang	Seksyen 16 (Pangsapuri Rimba Jaya)	17	46
24	SABAH	Sandakan	Taman Mesra	17	45
25	SELANGOR	Petaling	E13. USJ 1 (Angsana Appt)	12	42
26	SELANGOR	Klang	Seksyen 30 (Jln Kebun : Lorong Hj Kassim Lot 3645)	6	42
27	SELANGOR	Kuala Langat	Pangsapuri Langat Utama	13	41
28	SELANGOR	Kuala Langat	Bandar Mahkota (Jalan Mentari)	16	41
29	SELANGOR	Hulu Selangor	Lokaliti 8 Bdr Baru Btg Kali	27	41
30	SELANGOR	Petaling	E11. Sri SS 6 Kompleks Kediaman Kastam	24	41
31	SABAH	Sandakan	Kampung Tinusa I	14	41
32	SELANGOR	Petaling	E5. Seksyen U17 (Kg Merbau Sempak : Lorong 6)	14	40
33	SABAH	Kota Kinabalu	Kg.Likas Lorong Koruk	24	40
34	SELANGOR	Petaling	E15. Tmn Puchong Perdana 4 (Flat Blok H-K)	11	39
35	SABAH	Putatan	Tmn. Bayview Teluk Villa	29	39
36	SELANGOR	Petaling	E16. Tmn Puncak Jalil 2D (Jln PUJ 2/30 - 2/38)	10	38
37	SELANGOR	Klang	Seksyen 31 (Teres L : Jln 31/107 - 31/108b)	6	38
38	SABAH	Sandakan	Taman Megah	13	38
39	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Metro Villa Taman Ampang Mewah	7	37
40	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Seri Putra (Semilang)	13	37
41	SELANGOR	Hulu Langat	Antara Appt Taman Mulia Jaya	5	36
42	WPKL&P	W/P Putrajaya	Presint 8 Parcel 4B	6	36
43	SELANGOR	Sepang	Taman Salak Perdana	13	35
44	SABAH	Sandakan	Kampung Batu Putih	9	35
45	SABAH	Sandakan	Taman Merpati Rendah	10	35
46	SELANGOR	Kuala Langat	Pangsapuri Langat Murni	7	34

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
47	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Bahagia Kampung Teras Jernang	6	33
48	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Sri Ros Taman Sepakat Indah	6	33
49	SELANGOR	Klang	Taman Sentosa 20	5	33
50	SABAH	Sandakan	Kg Forest (Jambatan A,B,C)	4	33
51	SABAH	Sandakan	Taman Tinosan Bt.4.5	6	33
52	SELANGOR	Kuala Langat	Pangsapuri Seri Saujana, BSP	5	32
53	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Pandan Indah 1/8,1/10,1/12,1/15,1/16(A),1/17 dan 1/19 Pandan Indah	5	32
54	SELANGOR	Klang	Taman Klang Utama 08	9	32
55	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Budiman Zon 1	19	31

**KES MINGGUAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA MINGGU 39/2022
(DARI 25 SEPTEMBER HINGGA 1 OKTOBER 2022)**

Bil.	Negeri	Jumlah Kes Chikungunya ME 39/2022	Jumlah Kes Chikungunya ME 39/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2022 Sehingga ME 39/2022	Kumulatif Kes Chikungunya Tahun 2021 Sehingga ME 39/2021	Kumulatif Kes Chikungunya Bagi Tahun 2021
1	Perlis	0	0	0	3	3
2	Kedah	0	1	33	124	140
3	P. Pinang	0	1	19	50	77
4	Perak	0	0	10	179	180
5	Selangor	3	8	212	200	339
6	WP KL & Putrajaya	0	16	250	357	490
7	N. Sembilan	0	0	73	6	22
8	Melaka	0	0	6	27	29
9	Johor	0	0	4	96	97
10	Pahang	0	0	2	0	0
11	Terengganu	0	0	0	0	0
12	Kelantan	0	0	39	28	55
13	Sarawak	0	0	1	0	0
14	Sabah	0	0	0	0	0
15	WP Labuan	0	0	0	0	0
	MALAYSIA	3	26	649	1,070	1,432

FAKTA BERKAITAN NYAMUK AEDES



Jangkitan demam denggi disebabkan oleh gigitan nyamuk *Aedes* betina sahaja. Ini kerana protein di dalam darah diperlukan oleh nyamuk *Aedes* betina untuk menghasilkan telur nyamuk.